

NO. SOALAN:31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 16 MAC 2016

RUJUKAN : 8591

SOALAN:

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah jangkamasa panjang
serta tahap kesiapsiagaan pihak Kementerian dalam membanteras
jenayah pemerdagangan manusia di negara kita.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius isu pemerdagangan orang dan sentiasa menambahbaik langkah-langkah penguatkuasaan, perundangan, perlindungan dan publisiti yang telah diambil.

Antara langkah utama yang telah dilaksanakan adalah pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Pindaan ini telah berkuatkuasa pada 18 November 2015. Pindaan kepada ATIPSOM 2007 adalah bagi memperkasakan perundangan sedia ada. Pindaan ini memperuntukkan kebenaran untuk mangsa pemerdagangan orang bergerak bebas dan bekerja, pemberian pampasan kepada mangsa, dan penglibatan lebih aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam perlindungan dan penjagaan mangsa.

Bagi menunjukkan komitmen peringkat tertinggi negara, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi telah ditubuhkan dan dianggotai oleh menteri-menteri bagi Kementerian yang merupakan anggota Majlis. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menimbang teliti dan memutuskan syor yang dibuat oleh Majlis.

Kementerian / Jabatan yang telah dilantik sebagai ahli baru MAPO adalah Kementerian Pertahanan, Kementerian Industri

Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Belia dan Sukan. Dengan menjadi ahli Majlis, Kementerian / Agensi berkenaan akan turut sama menyumbang dan terlibat dalam usaha membanteras jenayah ini secara kolektif secara bersepadu mengambilkira kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing.

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2016 – 2020) telah dirangka untuk menggariskan inisiatif Negara berdasarkan sembilan (9) bidang program meliputi :

- i. Memperkukuhkan mekanisme perundangan**
- ii. Tindakan bersepadu dikalangan agensi penguatkuasaan**
- iii. Kesedaran awam dan pencegahan**
- iv. Perlindungan dan pemulihan**
- v. Membanteras pemerdagangan buruh**
- vi. Bina upaya**
- vii. Pengurusan maklumat**
- viii. Perkongsian pintar**
- ix. Mengukur prestasi dan ketahanan**

Kerajaan Malaysia juga turut mengambil pendekatan berteraskan kebajikan mangsa. Sepertimana dinyatakan di atas, Kerajaan telah, melalui pindaan tersebut boleh membenarkan mangsa untuk bergerak bebas, dan bekerja.

Diperingkat serantau pula, Malaysia juga telah menandatangani Konvensyen ASEAN Mengenai Pmerdagangan Orang Terutama Wanita dan Kanak-kanak (ACTIP) pada 21 November 2015 semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27. ACTIP merupakan komitmen bersama negara-negara ASEAN bagi memerangi jenayah ini.

Daripada sudut kerjasama antarabangsa, Kerajaan sentiasa memperkukuhkan hubungan erat dengan negara-negara serantau dan pertubuhan antarabangsa terutama dari aspek perkongsian maklumat.

Langkah-langkah yang diambil untuk memerangi jenayah pmerdagangan orang ini merupakan usaha berterusan dan bersepadu yang dilaksanakan oleh kementerian / agensi / jabatan di bawah MAPO. Jawatankuasa Penguatkuasaan yang diketuai oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sentiasa melaksanakan risikan yang berterusan dan penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk membanteras jenayah ini.

Seiring dengan ancaman semasa, program bina upaya turut diadakan bagi memastikan agensi penguatkuasa sentiasa dilengkapi dengan kemahiran, kebolehan dan keupayaan yang sewajarnya.

Langkah-langkah yang telah dinyatakan diyakini mampu memerangi jenayah pemerdagangan orang di peringkat serantau dan antarabangsa.